

BH MS 20 03/09/2019

Teknologi, varieti moden mampu pacu hasil padi

Pengeluaran padi negara boleh ditingkatkan menerusi pembangunan teknologi, terutama melalui penggunaan jentera dan pengenalan varieti padi moden.

Penggunaan teknologi berseesuaian dan penghasilan benih baharu akan menjadikan ia lebih berdaya tahan daripada serangan penyakit dan bencana alam, seterusnya membantu meningkatkan hasil lebih baik.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor, berkata MARDI iaitu satu-satunya pusat penyelidikan yang menghasilkan varieti padi juga menjadi antara penyumbang utama kepada pengeluaran padi negara yang lebih mapan.

"Kami memiliki Bank Gen Padi yang terletak di Seberang Prai serta di luar negara iaitu di Filipina dan Korea di mana ia adalah pusat penyimpanan 13,000 benih asas padi (asesi padi)

yang diperoleh daripada pelbagai agensi, terutama dari India.

"Daripada benih asas berkenaan, kami sentiasa menjalankan kajian dan penyelidikan (R&D) dan mengeluarkan varieti padi yang dibuat secara berhati-hati berdasarkan keperluan industri. Kecukupan bekalan pengeluaran padi adalah turut bergantung kepada simpanan benih asas itu," katanya kepada *BH* dalam temu bual, baru-baru ini.

Simpanan benih asas padi itu merangkumi tiga tempoh masa kitaran, iaitu jangka pendek yang mengambil masa dua hingga tiga tahun, sederhana (10 hingga 15 tahun) dan panjang (sehingga 30 tahun).

Selepas tamat tempoh, setiap benih asas akan ditanam bagi melengkapkan semula kitaran.

Dr Mohamad Roff berkata, keperluan benih komersial bagi sawah di Malaysia adalah kira-kira 75,000 tan setahun dan di dalam simpanan MARDI ketika ini ter-

dapat lebih 200 varieti padi yang sedang diuji serta menunggu masa sesuai untuk dikeluarkan.

Mengulas mengenai kajian mengatakan Malaysia ketinggalan dalam penghasilan padi baharu, beliau berkata, matlamat utama pengeluaran varieti bukan setakat untuk penghasilan padi yang tinggi semata-mata, tetapi juga berasaskan beberapa faktor lain seperti kawasan, persekitaran, cuaca, ancaman perosak dan penyakit.

"Pengisytiharan varieti biasanya akan diikuti dengan pakej teknologi seperti amalan agronomi, kawalan perosak dan penyakit. Itu adalah sebab mengapa MARDI tidak mengisytiharkan terlalu banyak varieti pada satu-satu masa dan memadai secara purata satu varieti setiap tahun.

"Adalah tidak adil kita membandingkan dengan pengeluaran varieti di India iaitu sebanyak 1,900 varieti dalam tempoh 50 ta-



Mohamad Roff Mohd Noor

hun dengan keluasan tanaman padi seluas kira-kira 45 juta hektar. Keperluan negara itu yang mempunyai kepelbagaian iklim, tanah dan topografi berbeza selain keperluan citarasa rakyatnya yang pelbagai dalam keperluan beras.

"Jika dinisbahkan pengeluaran varieti berbanding keluasan kawasan, penanaman Malaysia masih dalam kalangan terbaik dengan nisbah satu varieti mer-

angkumi keluasan 6,500 hektar, sementara di India satu varieti bagi setiap 11,476 hektar dan Filipina satu varieti bagi setiap 12,000 hektar," katanya.

Beliau menambah, kos pengeluaran bagi satu varieti menelan perbelanjaan RM5 juta hingga RM8 juta yang mengambil masa antara lapan hingga 11 tahun.

Dalam pada itu katanya, pengeluaran padi negara masih mencukupi untuk menampung keperluan rakyat di Malaysia, sekali gus mampu mencapai sasaran pengeluaran beras tempatan sehingga 80 peratus dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Kadar pengeluaran beras tempatan tahun lalu adalah 72.8 peratus, iaitu 3.1 juta tan setahun, manakala selebihnya adalah beras yang diimport.

"Jumlah berkenaan masih mencukupi bagi menampung keperluan rakyat selain dibantu dengan permintaan beras yang import," katanya.